



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMUD ADIL AL- HAQQANI

SHAITAN'S NIGHT MALAM GODAAN SYAITHAN

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Anzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Anwwalin wal Akhbirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Sheykh Abdullah Daghestani, Sheykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sobba, wal khayru fil jamiyya.*

Jika sekiranya kita tidak takut kepada Allah ﷻ, kita harus takut kepada neraka. Malam ini ialah Malam syaithan. Semua hantu menjadi buas. Jika ada peluang, syaithan tidak akan melepaskan nya dan dia akan terjerumuskan mereka dalam berbagai masa'alah.

Malam ini tiada keindahan atau keistimewaan. Mereka menggelar malam ini 'The New Year' Tahun Baru. Untuk orang yang berfikir inilah malam yang tidak ada faedah di dalam nya. Lebih berfaedah lagi ialah malam Jumaat. Malam Jumaat adalah malam yang suci. Amal Ibadah yang di buat pada malam ini adalah di terima. Tetapi dosa yang dilakukan pada malam Jumaat ini adalah lebih berdosa dari hari hari yang lain. Kita mesti terima hakikat ini. Orang harus berwaspada pada nya.

Telah menjadi suatu kebiasaan pada setengah orang sejak zaman kanak kanak lagi untuk meraikan Tahun Baru di rumah. Mereka golongan yang tidak mahu berfikir. Jika mereka memikir dengan minda yang waras mereka tidak akan sesat. Orang yang sesat adalah orang yang tidak mahu mengguna fikiran masing masing. Telah kami nyatakan ada golongan yang mengamalkan perayaan Tahun Baru ini sebagai satu tabiat di rumah masing masing. Moga moga mereka tidak menceburkan diri dengan perkara perkara yang mungkar. Moga mereka bebas dari gejala itu semua.

Kenapa kita mesti merasa teruja, kita berpenat lelah untuk membuat ini dan itu untuk persiapan hari Tahun Baru ini yang tidak membawa sebarang faedah kepada kita. Akhir nya anda akan faham yang ini semua tidak bermanfaat. Sebaliknya ia boleh membawa kita kepada kebinasaan kepada sekumpulan orang. Ia membawa kebinasaan di dunia dan di akhirat.

Ia akan menjadai satu kedukaan pada hari qiyamat kerana amalan ini seolah olah menjadi suatu tentangan terhadap Allah ﷻ. Setiap kali melaungkan Tahun Baru sudah tiba, satu tahun yang baru akan tiba. Setiap tahun kepunyaan Allah ﷻ. Masa itu milik Allah ﷻ.. Allah ﷻ mencipta masa untuk anda beramal saleh, bukan untuk melakukan dosa pada setiap peluang.



SOHBAH OLEH
HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

Malam ini orang orang kafir, orang orang yang tidak beriman, dan orang yang tidak berfikiran telah menjadi buas. Malam ini malam yang suci, malam Jumaat. Berawas lah. InsyaAllah, moga moga ini menjadi suatu iktibar untuk bertaubat dan petunjuk untuk orang ini semua.

Mereka melaung, Tahun Baru, Tahun Baru. Setiap tahun ada Tahun Baru. Ada orang bergembira dengan kedatangan Tahun Baru. Hanya Allah yang ketahui apa yang akan menimpa kita pada tahun ini. Adakah ini yang anda bergembira. Anda bergembira dengan perkara yang anda tidak tahu.

Hanya suatu perkara yang anda pasti. Allah ﷻ memerintah anda untuk takut kepadaNya. "Jika anda tidak takut kepada aku, takutlah kepada api." Semoga Allah memberi kita petunjuk. Semoga Allah memelihara dan melindungi kita daripada ancaman-ancaman serta perangkap shaitan-shaitan yang direjam.

Wa Minallah at-Tawfeeq.

Al-Fatiha.

Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil
31 December 2015 / 20 Rabiul Awwal 1437
Akbaba Dargah, Sabah Namaz